

Ringgit susut ke paras terendah hampir Krisis Kewangan 1997



Mata wang tempatan berlegar paras RM4.7365 berbanding satu dolar AS

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) susut ke paras yang terendah hampir menyamai Krisis Kewangan 1997 apabila berada pada sekitar 4.7365 pada petang semalam, terendah dalam tempoh 24 tahun.

Ketika Krisis Kewangan 1997, nilai terendah ringgit berbanding dolar AS dalam dagangan harian adalah 4.7721 yang dicatat pada 7 Januari 1998.

Mata wang tempatan itu kemudian ditambat pada dolar AS pada 3.80 iaitu pada 1 September 1998 sebelum diapungkan semula pada 21 Julai 2005.

Penganalisis berkata, penyusutan ringgit yang berlaku ketika ini banyak dipengaruhi faktor luaran, terutama kebanyakan negara masih berhadapan krisis

kos sara hidup, dasar kewangan mengetat, konflik Russia-Ukraine serta isu COVID-19 yang belum reda sepenuhnya.

Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhammad Daaniyall Abd Rahman, berkata krisis luaran yang berlaku ketika adalah pengaruh negatif paling besar kepada pasaran wang negara.

"Ketidaktentuan ekonomi ketika ini dijangka boleh memberikan kesan berterusan kepada pasaran tukaran wang, terutama apabila kesan inflasi yang dihadapi kini belum dapat dibendung sebaiknya oleh kuasa besar ekonomi dunia.

"Malah, reaksi pasaran bon Amerika Syarikat (AS) yang bertindak balas dengan kadar faedah

yang ditetapkan Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Fed) juga menjadi pengukur kepada kestabilan ringgit.

"Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) juga telah merendahkan unjuran pertumbuhan ekonomi dunia pada 2023 daripada 3.2 peratus kepada 2.7 peratus disebabkan faktor-faktor ini," katanya kepada *BH* ketika dihubungi.

Pengeluar komoditi untung

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata dari sudut yang berbeza pula, Malaysia sebagai pengeluar komoditi akan beruntung apabila ringgit terus melemah.

Beliau berkata, namun kelebihan itu tidak tersalur kepada rakyat secara langsung kerana kelemahan ringgit turut menyebabkan barangan diimport menjadi mahal, terutama bahan makanan dan minuman yang mencecah RM63 bilion pada 2021.

Katanya, kemelesetan mata wang dunia yang berlaku ketika ini disebabkan tindakan Fed yang telah menaikkan kadar faedahnya kepada 3.25 peratus.

Situasi itu, katanya menyebabkan aliran pasaran modal dunia, termasuk di Malaysia berubah dengan drastik mengikut kenaikan kadar faedah berkenaan.

"Pengurus dana dan syarikat multinasional mengalihkan pelaburan mereka kepada bon kerajaan AS yang mempunyai pulangan

faedah tinggi.

"Apabila aliran wang ini keluar dari negara lain termasuk Malaysia ke arah AS, maka mata wang negara itu dijual untuk membeli dolar AS.

"Inilah sebabnya dolar AS turun nilainya kerana peniaga pasaran mata wang dan pasaran modal menjual ringgit dan membeli dolar AS.

"Pengurus dana asing turut memerhatikan suasana politik terutama Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) dan kestabilan politik sewaktu pembentukan kerajaan nanti.

"Ketika ini mereka berhati-hati dan hanya melihat perkembangan politik negara. Selepas itu mereka akan membuat keputusan sama ada melabur atau tidak," katanya.

“Ketidaktentuan ekonomi ketika ini dijangka boleh beri kesan berterusan kepada pasaran tukaran wang, terutama apabila kesan inflasi dihadapi kini belum dapat dibendung sebaiknya”



Muhammad Daaniyall Abd Rahman, Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UPM

“Pengurus dana dan syarikat multinasional mengalihkan pelaburan mereka kepada bon kerajaan AS yang mempunyai pulangan faedah tinggi”



Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, Penganalisis ekonomi UniKL Business School